

## **UTUSAN HARI KOPERASI ANTARABANGSA KE-84**

1 Julai 2006

*Peace building through co-operatives*

Koperasi adalah organisasi yang berteraskan jatidiri, nilai dan prinsip tersendiri yang mendukung keamanan. Nilai-nilai perpaduan, kesaksamaan dan demokrasi telah banyak membantu jutaan koperator seluruh dunia membina kesejahteraan sosial untuk masa depan yang lebih terjamin.

Koperasi memainkan peranan penting di dalam menangani isu-isu yang boleh menjurus kepada perbalahan. Ia lahir dari keperluan untuk mencapai kestabilan ekonomi sama ada untuk memperolehi peluang pekerjaan ataupun rumah mampu milik, kemudahan mikro kredit atau produk pengguna, insurans, pemasaran dan lain-lain keperluan asas. Gerakan koperasi memberikan satu jalan alternatif kepada anggotanya bagi mengatasi kegagalan pasaran atau kerajaan kerana koperasi melibatkan anggotanya dalam aktiviti ekonomi. Dengan menyediakan peluang, bukan sekatan, koperasi memperkasakan anggotanya untuk membantu diri sendiri dan seterusnya menghapuskan kemungkinan perbalahan di dalam masyarakat.

Koperasi juga menawarkan pilihan dalam usaha menyelesaikan perbalahan dan membina semula masyarakat pasca perang atau sengketa persaudaraan dengan mewujudkan suasana yang boleh melenturkan konflik tersebut. Melalui prinsip demokrasi, koperasi mewujudkan dasar keamanan jangka panjang untuk masa depan yang selamat. Misalnya, gerakan koperasi Palestin dan Israel kini sedang bekerjasama dalam beberapa projek pasaran pertanian bagi membantu koperator Palestin meningkatkan sara hidup, dan dengan itu membina hubungan dua hala antara mereka. Gerakan koperasi perumahan pula terlibat di Bosnia dan Serbia dengan memulakan koperasi perumahan dan dengan itu, memulakan dialog di antara mereka. Pelbagai pergerakan juga aktif dalam usaha pembangunan semula jangka panjang mangsa tsunami di Indonesia, India dan Sri Lanka termasuk di kawasan yang menghadapi perbalahan berterusan.

Ikatan Koperasi Antarabangsa (ICA) sebagai satu lambang perpaduan 224 ahli dari 91 negara, telah lebih 110 tahun mengamalkan nilai-nilai koperasi dan menggalakkan keamanan secara aktif. Sejak 1895, ICA telah dan akan teruskan usaha melibatkan kepelbagaian ekonomi, politik dan sosial ahlinya sebagai satu jambatan membina persefahaman dan sokongan di kalangan ahli. ICA menggalakkan ahlinya bekerjasama antara satu sama lain berlandaskan model koperasi. ICA juga bekerjasama dengan agensi antarabangsa khususnya Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan ahlinya dalam pembangunan koperasi terutama sekali di wilayah yang sering menghadapi pertelingkahan. ICA yakin bahawa pembangunan serta kemajuan ekonomi dan sosial masyarakat setempat melalui model koperasi akan menyumbang kepada keamanan dan kesejahteraan sedunia.

Pada Hari Koperasi Antarabangsa tahun ini, ICA menyeru agar semua koperator meraikan segala usaha lalu dan semasa gerakan koperasi untuk mewujudkan dunia yang lebih selamat dan terjamin untuk semua.